

PM gembira kemenangan besar BN

UM 20 JAN 2002

KUALA LUMPUR 19 Jan. — **Perdana Menteri**, Datuk Seri Dr. Mahathir **Mohamad** amat gembira dengan kemenangan besar yang dicapai oleh Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Indera **Kayangan** hari ini.

"Saya berasa amat gembira dengan kemenangan besar BN.

Saya ucap tahniah kepada semua yang telah berkempen dengan begitu baik bagi menentukan kemenangan BN.

"Tahniah juga kepada Datuk Seri Shahidan **Kassim** (Menteri Besar Perlis) kerana telah berjaya menebus balik maruah BN," katanya ketika ditemu ramah melalui telefon oleh

RTM di TV1 sejurus selepas pengumuman keputusan pilihan raya itu diumumkan malam ini.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN turut mengucapkan tahniah kepada calon BN Ooi Ah Lan yang berjaya menewaskan calon **Keadilan Khoo** Yang Chong dengan majoriti

2,592 undi pada pilihan raya itu.

Ooi memperoleh 4,279 undi berbanding **Khoo** yang hanya mendapat 1,687 undi.

Pada pilihan raya 1999, calon BN mendiang **Datuk Khor Liang Tee** yang meninggal dunia pada 19 Disember lepas kerana **barah usus** menang dengan majoriti 1,974 undi.